

# Pilihan Tambah Nilai bagi Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan (ILP) anda.

Kami ingin menerangkan bagaimana penambahan nilai ILP anda boleh menolong anda sekeluarga menikmati perlindungan insurans berterusan.

Kami pastikan **setiap hari anda lebih bermakna.**

## 1

### Apakah Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan (ILP)?

ILP ialah produk insurans 2-dalam-1 di mana anda boleh menikmati **perlindungan insurans & peluang pelaburan.**



## 2

### Bagaimana ILP berfungsi?

Premium anda akan dibahagikan kepada:



1. Premium Tidak Diperuntukkan

2. Premium Diperuntukkan



Premium Diperuntukkan digunakan untuk membeli unit dalam dana-dana pelaburan yang menghasilkan nilai akaun.

Caj Insurans dan caj polisi lain akan ditolak daripada nilai akaun untuk membayar perlindungan insurans anda.

Premium Tidak Diperuntukkan digunakan untuk membayar perbelanjaan syarikat dan komisen pengedaran.

Caj insurans bagi pelan/rider ILP yang dilampirkan mungkin bertambah seiring peningkatan umur anda. Oleh yang demikian, caj insurans lebih tinggi akan ditolak daripada nilai akaun. Anda hendaklah memastikan polisi ILP anda mempunyai nilai akaun mencukupi sepanjang tempoh polisi untuk terus menikmati perlindungan.

Salah satu cara untuk memastikan polisi ILP anda mempunyai nilai akaun mencukupi sepanjang tempoh polisi adalah dengan **menambah nilai premium anda.**

## 3

### Apakah maksud Tambah Nilai?

Tambah Nilai ialah **premium tambahan** yang boleh ditambah kepada polisi ILP anda secara **berkala atau ad hoc.**

Tambah nilai berkala adalah berdasarkan mod pembayaran premium semasa polisi anda.

Tambah nilai ad hoc atau tambah nilai tunggal boleh dilakukan pada bila-bila masa mengikut kehendak anda.

**95%** daripada amaun tambah nilai berkala dan tunggal diperuntukkan untuk membeli unit dalam dana-dana pelaburan.



# 4

## Mengapa anda harus menambah nilai polisi ILP anda?

1

Menyediakan peruntukan premium lebih tinggi untuk membeli unit dalam dana-dana pelaburan, yang membolehkan anda **meningkatkan lagi potensi simpanan**



2

**Tingkatkan nilai akaun polisi anda** supaya polisi anda boleh terus berkuat kuasa untuk tempoh lebih panjang



3

Memastikan polisi anda kekal berkuat kuasa supaya anda boleh menikmati perlindungan berterusan



# 5

## Bagaimana anda tahu jika nilai akaun anda tidak mencukupi?

Anda dinasihatkan untuk menyemak:

- Notis keberkekalan polisi tahunan anda, yang akan menyatakan tempoh perlindungan di mana polisi dijangka terus berkuat kuasa berasaskan nilai akaun.
- Surat pemberitahuan nilai akaun tidak mencukupi, yang akan memaklumkan tarikh di mana polisi anda akan terus berkuat kuasa. Selepas tarikh tersebut, polisi akan luput.

Berikut ialah contoh bagaimana tambah nilai boleh membantu anda menikmati perlindungan berterusan.

Anda membeli **polisi ILP dengan beberapa rider** dilampirkan (seperti rider penyakit kritis, rider perubatan dll).

Premium bulanan ialah RM300.

Tempoh perlindungan sehingga **umur 99 tahun**.

Dalam tempoh polisi:


- Caj insurans** untuk polisi mungkin telah **meningkat**; atau
- Anda membuat **pengeluaran separa** daripada nilai akaun.

Nilai akaun dalam polisi ILP anda akan dikurangkan. Polisi anda dijangka menyediakan perlindungan sehingga **umur 85 tahun** dengan premium sedia ada.


Anda dinasihatkan untuk **menambah nilai premium untuk meningkatkan nilai akaun** dan terus menikmati perlindungan insurans sehingga umur 99 tahun.

Menambah nilai premium lebih awal boleh **membina dan meningkatkan nilai akaun** secara beransur-ansur.


Nilai Akaun



Nilai Akaun



Nilai Akaun



Sila ambil perhatian bahawa pelan insurans berkaitan pelaburan merupakan produk insurans yang terikat kepada prestasi aset-aset dasar dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah. Pulangan adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana-dana pelaburan yang dipilih. Prestasi masa lepas dana-dana pelaburan bukan petunjuk prestasi masa depan. Kandungan risalah ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja. Maklumat dan pilihan tertentu mungkin tidak berkenaan bagi anda. Kami mengesyorkan agar anda berbincang dengan penasihat Manulife profesional anda atau Khidmat Pelanggan kami di talian 03 2719 9112 atau 1 300 13 2323 untuk maklumat lebih lanjut. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Manulife Insurance Berhad (200801013654 (814942-M)) adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Ia terletak di Tingkat 16, Menara Manulife, 6, Jalan Gelenggang, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.